

Utusan Malaysia

SELAMAT
HARI
RAYA
AIDILFITRI

SELAMAT
HARI
RAYA
AIDILFITRI

MAAF ZAHIR
& BATIN

MAAF ZAHIR
& BATIN

Bincang pelaksanaan PKP penuh di Selangor



Oleh MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS 17 Mei 2021, 8:05 pm

SHAH ALAM: Kerajaan Negeri Selangor melalui Pasukan Petugas Khas Menangani Covid-19 Selangor (STFC) sedang melakukan perbincangan berhubung pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh di negeri ini.

Pengerusi STFC, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, perbincangan itu dilakukan susulan cadangan dibuat Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba yang mahu melaksanakan PKP penuh di Selangor.

"Saya bersama ahli STFC lain sedang bermesyuarat ketika ini.

"Hasil mesyuarat ini akan dimaklumkan selepas mesyuarat tamat," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Terdahulu, Adham dalam sidang akhbar bersama Menteri Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaluddin hari ini mengumumkan Kementerian Kesihatan bakal melaksanakan PKP penuh dan lebih ketat di Selangor setelah melihat kes jangkitan Covid-19 di negeri itu masih lagi tinggi.

Beliau berkata, pelaksanaan PKP tersebut membolehkan pegawai kementerian melaksanakan ujian saringan, pengasingan dan rawatan kepada individu yang dijangkiti virus terbahit.

Statistik jumlah jangkitan Covid-19 yang dikeluarkan KKM hari ini menunjukkan Selangor menjadi negeri yang paling

tinggi mencatatkan kes jangkitan baharu iaitu sebanyak 1,650 kes.

Dalam perkembangan berasingan, kerajaan negeri menafikan berhubung penularan mesej pendaftaran vaksin Sinovac menerusi aplikasi SELangkah.

Pejabat Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga dalam kenyataannya menjelaskan, mesej tular tersebut adalah palsu.

Kata kenyataan itu, sebarang pengumuman rasmi berkenaan vaksin Covid-19 di Selangor hanya dikeluarkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari atau Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Keluarga, Dr. Siti Mariah Mahmud. – UTUSAN ONLINE

BERITA SELANJUTNYA

by



Siang dirogoi tiga abang, malam giliran bapa



Seluruh Kelantan kena PKP



MB Perak negatif Covid-19



Brands benefit from advertising in news...



Imam ditampar ketika solat Subuh



'Saya punca anak saya mati'



Pelajar tingkatan lima



Kes ingkar SOP naik,



Tidak perlu kuarantin di



POPULAR




PM ikhlas perjuang isu Palestin, tidak berniat alih tumpuan rakyat – Razali

18 Mei 2021, 11:35 am



Penduduk bina rumah untuk gelandangan

18 Mei 2021, 11:30 am



Polis terima laporan dan siasat kes Neelofa sambut raya

18 Mei 2021, 11:29 am



Raya Siqma suram tanpa emak

18 Mei 2021, 11:20 am





Enjin jentera panas punca gagal – Hafizh

Bengang terus dikaitkan dengan Janna Nick, Sheila Rusly akhirnya buka mulut

Raja Syahiran enggan majlis kahwin kena kecam

Bekas model separuh masa dapat tempat tinggal

Kuasa vokal jadi taruhan Ara Johari

Salam perantauan Luar negara 18 Mei 2021

BERITA BERKAITAN



PM ikhlas perjuang isu Palestin, tidak berniat alih tumpuan rakyat – Razali

18 Mei 2021, 11:35 am



Polis terima laporan dan siasat kes Neelofa sambut rava

<https://www.utusan.com.my/nasional/2021/05/stfc-bincang-pelaksanaan-pkp-penuh-di-selangor/>



Raya Siqma suram tanpa emak

18 Mei 2021, 11:20 am



Harimau Malaya dapat suntikan semangat

18 Mei 2021, 10:45 am



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami